
BAHASA MELAYU DI AFRIKA SELATAN

Oleh:

Mohd Sharifudin Yusof

Pendahuluan

Kedudukan bahasa Melayu (seterusnya BM) sebagai lingua franca adalah menjadi hakikat sejarah. Pihak-pihak penjajah Barat, pedagang China dan India serta mubaligh Islam Timur Tengah yang pernah berurusan di Kepulauan Melayu pada zaman Kesultanan Melaka serta era terkemudian, mempunyai catatan masing-masing tentang hal ini. Jika tidak pun, sekurang-kurangnya mereka menghayati nilai nostalgia zaman tersebut yang diwarisi turun-temurun, sama ada yang digemari atau tidak. Superioriti mereka sebagai bangsa-bangsa besar dan bertamadun ternyata dapat dilentur oleh keunikan bangsa dan bahasa Melayu sehingga mereka gagal merubah wajah bangsa ini untuk menjadi seperti mereka. Mereka tidak betah bertahan lama di sini. Jati diri kemelayuan malah pegangan akidah tetap luhur terpelihara menongkah arus penjajahan fizikal dan budaya asing yang silih berganti. Sebaliknya roh Melayu berjaya menjejaki para pendatang tatkala mereka kembali ke negara masing-masing dan sehingga kini semangat itu masih boleh dikesan melalui citra Melayu diaspora. Ketersebarannya boleh dikatakan dari masyrik ke maghrib dan dari paksina ke daksina. Salah satu situs yang dapat dijadikan bukti kenyataan ini ialah di Cape Town, Afrika Selatan.

Latar belakang Pengaruh BM di Cape Town

Menjejaki tarikh paling tepat untuk merujuk kehadiran pertama orang Melayu di Cape Town memang satu usaha yang agak sukar. Ini kerana tidak terdapat bukti sama ada dalam bentuk artifak, prasasti mahupun dokumentasi yang boleh dirujuk. Walau bagaimanapun sejarawan sepakat bahawa penghujung abad ke-17 dan awal abad ke-18 sehingga pertengahannya, adalah tempoh yang paling hampir. Ini diasaskan kepada pewujudan perkampungan *Malay Quarter* (sekarang dikenali sebagai Bo-kaap) di tengah-tengah Bandar raya Cape Town, pada tempoh-tempoh tersebut. Dikatakan bahawa peneroka perkampungan ini datang dari Pulau Jawa, Bali dan Semenanjung Tanah Melayu. Sebahagiannya sebagai pelaut, manakala sebahagian lagi sebagai pekerja (lebih dianggap sebagai hamba) di ladang-ladang milik Syarikat Hindia Timur Belanda (VOC). Muzium Bo-kaap yang terletak di tengah-tengah perkampungan ini menjadi saksi kepada pernyataan ini.

Malangnya penulis dan rombongan tidak dapat memasuki muzium tersebut kerana sedang ditutup untuk kerja-kerja pengubahsuaian.

Menjejaki tarikh paling tepat untuk merujuk kehadiran pertama orang Melayu di Cape Town memang satu usaha yang agak sukar. Ini kerana tidak terdapat bukti sama ada dalam bentuk artifak, prasasti mahupun dokumentasi yang boleh dirujuk. Walau bagaimanapun sejarawan sepakat bahawa penghujung abad ke-17 dan awal abad ke-18 sehingga pertengahannya, adalah tempoh yang paling hampir.

Ini diasaskan kepada pewujudan perkampungan *Malay Quarter* (sekarang dikenali sebagai Bo-kaap) di tengah-tengah Bandar raya Cape Town, pada tempoh-tempoh tersebut. Dikatakan bahawa peneroka perkampungan ini datang dari Pulau Jawa, Bali dan Semenanjung Tanah Melayu. Sebahagiannya sebagai pelaut, manakala sebahagian lagi sebagai pekerja (lebih dianggap sebagai hamba) di ladang-ladang milik Syarikat Hindia Timur Belanda (VOC). Muzium Bo-kaap yang terletak di tengah-tengah perkampungan ini menjadi saksi kepada pernyataan ini. Malangnya penulis dan rombongan tidak dapat memasuki muzium tersebut kerana sedang ditutup untuk kerja-kerja pengubahsuaian.

Penggunaan BM dalam Penyebaran Agama Islam

Catatan mengenai kehadiran bangsa Melayu dan BM boleh diasaskan kepada aspek penyebaran Islam di Cape Town. Di dalam buku *Guide To The Kramats of the Western Cape* (1996: 17-19) ada menyatakan bahawa pada akhir-akhir abad ke-17, orang-orang Melayu merupakan mubaligh Islam yang paling berpengaruh di sini. Bukti paling ketara ialah berdasarkan catatan yang terdapat pada salah satu keramat (terdapat 23 buah keramat di sekitar Cape Town) iaitu keramat Syeikh Yusuf al-Makasari. Syeikh Yusuf yang berasal dari Makasar telah dihantar ke Tanjung Harapan pada 27 Jun 1693 kerana menentang penjajahan Belanda. Kesempatan itu telah diambil oleh Syeikh Yusuf untuk menyebarkan Islam di Cape Town. Perkampungan yang dibukanya kini dikenali sebagai *Macassar* dan jejaknya telah diikutu oleh mubaligh-mubaligh lain yang datang kemudian. Perkampungan ini juga akhirnya menjadi tempat perlindungan sementara bagi orang-orang Melayu yang datang kemudian.

Penyebaran agama Islam pada peringkat ini terbukti menggunakan BM sebagai salah satu bahasa pengantar selain bahasa Arab. Berdasarkan penelitian singkat yang dibuat di *The South African Cultural and History Museum*, penyelidik menemui 5 buah manuskrip berupa kitab-kitab agama yang memaparkan penggunaan BM. Dua daripadanya menggunakan BM Klasik keseluruhannya kecuali bahagian yang merupakan petikan ayat-ayat al Quran. Kedua-duanya tidak mempunyai tajuk. Salah satu daripadanya membahaskan persoalan fekah khususnya tentang doa-doa selepas sembahyang fardhu. Pengarangnya ialah

Malangnya penulis dan rombongan tidak dapat memasuki muzium tersebut kerana sedang ditutup untuk kerja-kerja pengubahsuaian.

Menjejaki tarikh paling tepat untuk merujuk kehadiran pertama orang Melayu di Cape Town memang satu usaha yang agak sukar. Ini kerana tidak terdapat bukti sama ada dalam bentuk artifak, prasasti mahupun dokumentasi yang boleh dirujuk. Walau bagaimanapun sejarawan sepakat bahawa penghujung abad ke-17 dan awal abad ke-18 sehingga pertengahannya, adalah tempoh yang paling hampir.

Ini diasaskan kepada pewujudan perkampungan *Malay Quarter* (sekarang dikenali sebagai Bo-kaap) di tengah-tengah Bandar raya Cape Town, pada tempoh-tempoh tersebut. Dikatakan bahawa peneroka perkampungan ini datang dari Pulau Jawa, Bali dan Semenanjung Tanah Melayu. Sebahagiannya sebagai pelaut, manakala sebahagian lagi sebagai pekerja (lebih dianggap sebagai hamba) di ladang-ladang milik Syarikat Hindia Timur Belanda (VOC). Muzium Bo-kaap yang terletak di tengah-tengah perkampungan ini menjadi saksi kepada pernyataan ini. Malangnya penulis dan rombongan tidak dapat memasuki muzium tersebut kerana sedang ditutup untuk kerja-kerja pengubahsuaian.


Penggunaan BM dalam Penyebaran Agama Islam

Catatan mengenai kehadiran bangsa Melayu dan BM boleh diasaskan kepada aspek penyebaran Islam di Cape Town. Di dalam buku *Guide To The Kramats of the Western Cape* (1996: 17-19) ada menyatakan bahawa pada akhir-akhir abad ke-17, orang-orang Melayu merupakan mubaligh Islam yang paling berpengaruh di sini. Bukti paling ketara ialah berdasarkan catatan yang terdapat pada salah satu keramat (terdapat 23 buah keramat di sekitar Cape Town) iaitu keramat Syeikh Yusuf al-Makasari. Syeikh Yusuf yang berasal dari Makasar telah dihantar ke Tanjung Harapan pada 27 Jun 1693 kerana menentang penjajahan Belanda. Kesempatan itu telah diambil oleh Syeikh Yusuf untuk menyebarkan Islam di Cape Town. Perkampungan yang dibukanya kini dikenali sebagai *Macassar* dan jejaknya telah diikuti oleh mubaligh-mubaligh lain yang datang kemudian. Perkampungan ini juga akhirnya menjadi tempat perlindungan sementara bagi orang-orang Melayu yang datang kemudian.

Penyebaran agama Islam pada peringkat ini terbukti menggunakan BM sebagai salah satu bahasa pengantar selain bahasa Arab. Berdasarkan penelitian singkat yang dibuat di *The South African Cultural and History Museum*, penyelidik menemui 5 buah manuskrip berupa kitab-kitab agama yang memaparkan penggunaan BM. Dua daripadanya menggunakan BM Klasik keseluruhannya kecuali bahagian yang merupakan petikan ayat-ayat al Quran. Kedua-duanya tidak mempunyai tajuk. Salah satu daripadanya membahaskan persoalan fekah khususnya tentang doa-doa selepas sembahyang, fardhu. Pengarangnya ialah

Syeikh al Faqeh al Imam al Alim al Arif Billah Abu Abdullah Muhammad ibnu Sulaiman al Jazuli. Kitab ini tamat ditulis pada tahun 1784 M (bersamaan 1199 H).

Kitab yang sebuah lagi pula memaparkan kisah-kisah Nabi termasuklah cerita Nabi Muhammad mengalami peristiwa Israk dan Mikraj, cerita Nabi Musa, Nabi Harun dan juga Nabi Noh. Sebahagian kitab ini telah hilang dan tiada bahagian yang mencatatkan nama pengarang dan tahun serta tempat terbitnya. Walau bagaimanapun dari segi lengguk bahasanya, dapat dikatakan bahawa kitab ini ditulis sezaman dengan kitab yang dibincangkan terdahulu.



Petikan Kitab Kisah-kisah Nabi

Manakala baki tiga buah kitab lagi memaparkan penggunaan Bahasa Arab sebagai bahasa pembahasan dan BM sebagai terjemahannya. Terjemahan dibuat baris demi baris dan BM yang digunakan juga ialah BM Klasik. Dua daripadanya mencatatkan judul iaitu *Kitab Bab Ma'rifat ul-Islam* dikarang oleh Abdullah al Daif al Shariff Alwi dan sebuah lagi *Kitab Maulud Syarif al Anam* tanpa nama pengarang. Sebuah kitab lagi membahaskan hal-hal tauhid tanpa mencatatkan nama pengarang. Ketiga-tiga kitab tersebut juga tidak mencatatkan tahun penulisannya dan tempat diterbitkan. Namun demikian berdasarkan perbandingan bentuk BM yang digunakan, ternyata ketiga-tiganya lahir sezaman dengan era BM Klasik di Nusantara.

Hasil tinjauan dan temubual yang dilakukan, boleh disimpulkan bahawa BM terus digunakan khususnya dalam penyebaran agama Islam sehingga awal abad ke-20. Beberapa orang responden yang berusia sekitar 60-an dan 70-an menyatakan bahawa mereka masih ingat tuan-tuan guru memberi kuliah dan ceramah agama menggunakan campuran BM, Bahasa Arab dan Bahasa Afrikaans. Salah satu kesan BM yang bersabit dengan kehadiran para mubaligh Islam di diaspora ini dan kekal digunakan hingga kini antara lain ialah perkataan *tuan guru* (kadang-kadang dibunyikan sebagai *tuang guru*). Istilah ini digunakan secara meluas

sebagai rujukan orang yang mengajarkan agama Islam atau orang alim dan difahami oleh semua bangsa Afrika.

Penggunaan BM di Mahkamah.

Menurut Dr. W.F Botha dari Universiti of Stellenbosch (dalam taklimatnya kepada penyelidik pada 16 September 2003 di University of Stellenbosch), berdasarkan catatan mahkamah yang dibuat pada tahun 1713, kehadiran orang Melayu dan pengaruh bahasa Melayu di Cape Town amat ketara. Ini dibuktikan oleh satu kes mahkamah yang membabitkan 12 orang pekerja (hamba) Indonesia yang menggunakan BM dalam menyampaikan keterangan mereka. Catatan lain pula menunjukkan pada tahun 1725 seorang pesalah keturunan China juga memberikan keterangan di mahkamah menggunakan BM. Manakala pada tahun 1733, tiga pesalah keturunan yang sama turut menggunakan BM sebagai alat komunikasi di mahkamah. Dr. Botha membuatkan kesimpulan bahawa BM bertahan lebih lama di Cape Town berbanding bahasa Portugis, sedangkan bangsa Portugis adalah dikatakan sebagai peneroka bandar tersebut khususnya Tanjung Harapan (Cape of Good Hope). Namun demikian BM mengalami kepupusan menjelang abad ke-19 dan tidak lagi dituturkan sepenuhnya walaupun di kalangan mereka yang masih mengakui berketurunan Melayu. Hanya beberapa individu sahaja terutama yang sering berurusan dan berulang-alik antara Afrika Selatan – Malaysia/Indonesia, yang masih boleh bertutur dalam BM.

Penggunaan BM Dalam Karya Kesusasteraan

Berasaskan penelitian terhadap beberapa buah karya kesusasteraan tulisan penulis Afrika Selatan, penggunaan beberapa perkataan BM turut memperlihatkan pengaruh BM terhadap masyarakat di Cape Town. Penyelidik disyorkan oleh beberapa responden yang ditemui supaya meneliti hasil karya beberapa penulis seperti I.D. du Plessis, M. Cassiem D'Arcy dan Rayda Jacobs. I.D. du Plessis yang menyusun *Tales From The Malay Quarter* (diterbitkan pada tahun 1945) menggunakan banyak kata-kata BM seperti *anak, bapa, baca, bawa (bawang) merah, dukun, guru, kali, keris, minta maaf, puji, puteri, roti, selamat jalan, selamat tinggal selendang, sembahyang, tabik, terima kasih, tongkat dan tuan*.

M. Cassiem D'Arcy, seorang doktor pakar jantung pula agak prolifik sebagai penulis novel. Antara novel-novelnya yang sempat diteliti ialah *The Golden Kris* (terbitan 1988) dan *Rage of the Sea Wind* (terbitan 1996). Dalam *The Golden Kris* perkataan-perkataan BM yang ditemui ialah *keris, amuk, dukun, gamelan, terima kasih dan tuan*. Turut terdapat beberapa perkataan BM yang berasal daripada bahasa Arab seperti *assalamualaikum, jin, doa, imam, janah, jihad, keramat, umi, salam* dan *takdir*. Manakala dalam *Rage of the Sea Wind* pula terdapat perkataan-perkataan seperti *agar-agar, mantera, wakil, terima kasih, assalamualaikum, bismillah, doa, insyaallah, kifayat, keramat, takdir dan tasbih*.

Walau bagaimanapun penelitian terhadap beberapa karya Rayda Jacobs agak mengecewakan. Walaupun beliau berketurunan Melayu dan hampir kesemua karyanya berlatarbelakangkan masyarakat Cape Town yang berasal daripada keturunan Melayu, namun beliau menggunakan bahasa Inggeris sepenuhnya. Antara karya-karyanya yang sempat dikaji ialah *Eyes of the Sky* (1996), *The Slave Book* (1998), *Sachs Street* (2001) dan *Confessions of a Gambler* (2003).

2.4 Monumen Bahasa Afrikaans

Salah satu manifestasi sejarah yang menunjukkan kesan pengaruh BM di Cape Town ialah *The Afrikaans Language Monument* yang terletak kira-kira satu jam perjalanan ke utara bandar raya ini. Mercu tanda dalam bentuk arca (yang paling tinggi ialah kira-kira 57 meter) itu diperbuat daripada batu granit yang sangat pejal dan kukuh. Salah satu simbol yang dibentuk pada arca tersebut melambangkan BM dan budaya Melayu yang menjadi salah satu asas jati diri bangsa Afrikaan. Binaan simbol Melayu ini terletak di bahagian dinding ruang utama. Monumen ini dibina pada tahun 1975 oleh arkitek keturunan Belanda. Jika tidak silap penulis, inilah satu-satunya monumen seumpamanya di dunia. Monumen ini yang dijadikan salah satu daya tarik pelancongan tanpa prejudis memartabatkan bangsa-bangsa dan bahasa-bahasa mereka yang pernah wujud di Afrika Selatan. Ia sebagai tanda pengiktirafan yang jelas terhadap sumbangan dan peranan yang telah mencorak bangsa dan negara itu kini.



Monumen Bahasa Afrikaans

Bertitik-tolak daripada manifestasi monumen bahasa tersebut dapatlah dikatakan BM mempunyai kesan dan pengaruh yang signifikan terhadap bangsa dan bahasa Afrikaans. Bahasa Afrikaans adalah bahasa yang ketiga paling ramai penuturnya di Afrika Selatan dengan jumlah penutur seramai 6.1 juta orang. Bahasa yang paling ramai penuturnya ialah bahasa Zulu (8.5 juta) dan diikuti bahasa Xhosa (6.8 juta). Namun demikian, selain bahasa Inggeris, hanya bahasa ini yang menjadi bahasa komunikasi dalam semua urusan dan difahami oleh semua penduduk Afrika Selatan. Ini menjadikan pengaruh BM turut tersebar sebagai bahasa Afrikaans dan digunakan oleh semua orang.

Dari segi bentuk bahasa, bahasa Afrikaan bermula sebagai sejenis kreole yang memperlihatkan percampuran bahasa Inggeris, Belanda, Portugis, bahasa-bahasa etnik Afrika dan BM. Pertembungan bahasa-bahasa ini bermula dengan penjajahan Belanda melalui Jan van Riebeeck pada tahun 1652. Hal ini dimeriahkan lagi oleh kedatangan para pelaut dan pedagang dari timur dan barat, sama ada untuk singgah ataupun yang tersadai di pantai Tanjung Harapan apabila kapal mereka karam dirempuh gelombang. Tidak lama selepas kedatangan Riebeeck, Belanda mula menghantar pekerja-pekerja (mereka selalu dirujuk sebagai hamba) khususnya dari Kepulauan Melayu untuk bekerja di ladang-ladang milik Belanda. Terdapat catatan yang menyatakan bahawa kebanyakan pekerja itu berasal dari Malaysia yang menggunakan campuran BM dengan bahasa Portugis. Hal ini ada kebenarannya kerana pada waktu itu Belanda sudahpun mengambil alih pentadbiran Melaka daripada tangan Portugis. Semasa kajian ini dilakukan, beberapa orang Melayu Cape yang ditemui mengakui bahawa nenek moyang mereka ialah orang Melayu Malaysia khususnya yang berasal dari Umbai, di Melaka.

Pengaruh BM dalam Bahasa Afrikaans

Berdasarkan penelitian yang dibuat, kesan-kesan bahasa ini boleh dibahagikan kepada dua aspek iaitu penggunaan BM secara baku dan penggunaan secara kolokial.

Penggunaan kosa kata BM sebagai bahasa baku Afrikaans.

Aspek ini memperlihatkan perkataan-perkataan BM yang terdapat dalam kamus *Etimologiewoordeboek van Afrikaans* terbitan Woordeboek van die Afrikaans Taal (WAT), University of Stellenbosch pada tahun 2003. Kamus ini ialah kamus bahasa Afrikaans yang paling lengkap. Entrinya turut memberikan maklumat asal-usul perkataan yang dimasukkan dan merupakan kamus baku bahasa Afrikaans. Kosa kata yang terdapat dalam kamus ini digunakan secara meluas. Antara perkataan BM yang dapat dikutip daripada kamus ini ialah seperti yang berikut.

Bil.	Bahasa Afrikaans	Makna Bahasa Inggeris	Bahasa Melayu
1	agar-agar	gelatine	agar-agar
2	alla	God	Allah
3	arak	liquor	arak
4	askari	soldier	askar
5	atjar	fruit/vegetable pickles	acar
6	baklie	fight	berkelahi
7	baar	inexperienced	baru
8	baie	many	banyak
9	blatjang	chutney	belacan
10	borrie	rice	boreh
11	doedoe	lullaby	dodoi
12	doepa		dupa
13	doekoem	one who has magic powers	dukun
14	ghantang		gantang
15	ghoem/ghong	gong	gong
16	kapok	kapok	
17	katel	bed	katil
18	katjepiering	glass saucer	piring kaca
19	kabaai	gown	kebaya
20	kramat	holy man	keramat
21	laksman	admiral	laksamana
22	laitjur	bad luck	lacur
23	labarang	religious festival	lebaran
24	lambaar	to become engaged to marry	lamar
25	maskawie	dowry	mas kahwin
26	moesoe	opponent	musuh
27	nonna	lady nona	
28	orangoetang	orang utan	orang utan
29	panga	roast	panggang
30	pondok	hut	pondok
31	sago	sago	sagu
32	salaam	greeting	salam
33	sambal	spicy dish	sambal
34	sambok	lash	cambuk
35	sammajoa	equals to	sama juga
36	serang	attack	serang
37	sieal	unlucky	sial
38	soesoe	breast	susu/payu dara
39	amok	amuck	amuk
40	amper	close	hampir

Dari segi ejaan, perkataan-perkataan BM ini dieja berdasarkan sistem ejaan bahasa Indonesia yang menerima pengaruh Belanda. Contohnya:

Bil.	Bahasa Afrikaans	Bahasa Melayu
1	katjie	kaca
2	doekoem	dukun
3	soesoe	susu
4	doepa	dupa
5	badjie	baju
6	blatjang	belacan

Sebuah lagi kamus yang sempat diteliti ialah *The Concise Trilingual Pocket Dictionary* (1988) susunan Lionel E Jennings dan diterbitkan oleh Ad Donker Publisher, Jeppestown. Ini ialah kamus tribahasa, Afrikaans, English dan Xhosa. Xhosa ialah bahasa peribumi Afrika Selatan yang masih digunakan dan luas pengaruhnya. Perkataan-perkataan BM yang ditemui adalah seperti berikut:

Bil.	Bahasa Afrikaans	Makna Bahasa Inggeris	Bahasa Melayu
1	kamer	room	kamar/bilik
2	kantoor	office	kantor/pejabat
3	koedoes	purity	kudus
4	koerant	newspaper	surat khabar
5	kursus	course	kursus
6	piering	saucer	piring
7	piesang	banana	pisang

Penggunaan kata-kata BM secara kolokial.

Bahagian ini menyenaraikan perkataan-perkataan BM yang digunakan sehari-harian oleh penduduk Cape Town tanpa mengira asal keturunan atau agama mereka. Kata-kata BM pinjaman Arab juga diambil kira kerana digunakan secara meluas terutamanya dalam perkara-perkara berkaitan ibadat. Antaranya adalah seperti yang berikut.

Bil.	Kolokial Afrikaans	Bahasa Melayu
1	tuan (tuang) guru	guru agama, orang alim
2	poasa	puasa
3	semahyang	sembahyang
4	masajid	masjid
5	qasidah	nasyid
6	lagu	taranum/irama dalam bacaan Al Quran
7	Bismillah	jemput/sila makan
8	trimakazi	terima kasih
9	rooti	roti

10	piesang	pisang
11	trek	tarik (untuk membuka pintu)
12	madaris	madrasah/surau
13	imam	imam
14	ulama'	ulama
15	hajj	haji
16	nikah	nikah

Perkataan-perkataan berasaskan keagamaan seperti 'bismillah', 'hajj', dan 'salaam' menjadi perkataan yang biasa dilafazkan bukan sahaja oleh orang yang beragama Islam tetapi juga oleh yang bukan Islam, terutamanya sebagai pembuka bicara tanda kemesraan. Seperti orang Melayu, budaya sedemikian turut diamalkan oleh bangsa Afrikaans. Hal ini menunjukkan lagi bahawa terdapat suatu bentuk *chemistry* dalam ciri budaya kedua-dua bangsa.

Selain itu terdapat juga kecenderungan menggunakan kosonan /g/ menggantikan /h/ pada suku kata yang bermula dengan kosonan itu, terutamanya pada ejaan nama. Contohnya:

Bil.	Bahasa Afrikaans	Bahasa Melayu
1	Mogamat	Muhammad
2	Gabibah	Habibah
3	Gamiet	Hamid
4	Galimah	Halimah

Kesimpulan

Selepas kira-kira 400 tahun semenjak kehadiran bangsa Melayu di Cape Town, ternyata kehadiran itu masih dirasakan dan dapat dikesan terutamanya dalam bahasa Afrikaans. Walaupun pengaruhnya sudah tidak begitu meluas, namun pengiktirafan betapa bahasa dan budaya Melayu pernah mencorakkan bangsa Afrikaans membuktikan bahawa ketamadunan Melayu tidak terpinggir. Shaykh Hoosain Ebrahim dalam *Journal Islamic College of Southern Africa (ICOSA)* Jilid 3 Tahun 2003 halaman 30 menyatakan;

"The Malays were peaceful and industrious and helped to build up the Afrikaans language. The Government had not classified them as Asiatics, but as South Africans."

Kini setelah beratus-ratus tahun terpisah dan terpinggir, semangat Melayu itu muncul kembali dengan usaha-usaha bilateral pelbagai pihak sama ada kerajaan dengan kerajaan mahupun antara badan-badan bukan kerajaan. Usaha FBMK,

UPM menerusi Unit Dokumentasi Warisan Melayu dan Peribumi wajar mendapat sokongan dan diteruskan pada masa-masa yang akan datang.

Usaha penelitian yang telah dibuat sememangnya tidak memadai kerana waktu dan peruntukan yang terhad. Program yang telah dijalankan hanyalah bersifat mukadimah dan memerlukan usaha-usaha lanjutan yang lebih terperinci dan berfokus. Namun hasil penelitian ini boleh dijadikan asas untuk menjalin hubungan yang lebih tuntas pada masa-masa yang akan datang. Bagi aspek bahasa adalah dicadangkan supaya penelitian yang seterusnya lebih tertumpu kepada korpus-korpus linguistik yang lebih khusus termasuklah penelitian fonologi, morfologi dan sintaksis. Contohnya harus dilihat bagaimana perubahan boleh berlaku dalam sistem ejaan yang membabitkan perubahan konsonan /h/ kepada konsonan /g/ dalam ejaan nama. Perubahan cara sebutan di kalangan beberapa subjek yang masih boleh bertutur BM juga boleh dijadikan bahan kajian terperinci kerana terdapat ciri-ciri yang menarik dan bermakna kepada kosa ilmu linguistik BM.